


Kerajaan benar import penutup mulut dan hidung

Mac 20, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



PUTRAJAYA, 20 Mac -Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah membenarkan import penutup mulut dan hidung, berkuatkuasa semalam bagi menampung kekurangan bekalan dalam pasaran.

Namun jelas Menterinya Datuk Alexander Nanta Linggi, kerajaan terpaksa menetapkan harga siling barang tersebut kepada RM2 sekeping berbanding 80 sen sebelum ini, disebabkan kenaikan harga bahan asas produk tersebut.

Beliau menyatakan demikian dalam sidang media selepas mengadakan perbincangan bersama pemain industri sektor peruncitan di Putrajaya.

<https://berita.rtm.gov.my/index.php/nasional/16721-kerajaan-benar-import-penutup-mulut-dan-hidung>